

Kuala Lumpur

Lambakan kenderaan persendirian dan kekurangan tempat letak kenderaan di Projek Perumahan Rakyat (PPR), strata kos rendah dan sederhana di ibu negara terus mendatangkan resah dalam kalangan penduduk dan orang awam.

Pelbagai jenis kenderaan termasuk bas, van dan kereta yang diletakkan sembarangan seperti parkir berganda atau *double park* di tepi jalan dan hentian bas sehingga menghalang pergerakan kenderaan lain yang melalui kawasan itu, adalah pemandangan biasa di kawasan kediaman berkenaan.

Tinjauan Bernama di beberapa kediaman strata dan PPR di Sentul, Setapak, Bandar Sri Permaisuri mendapati sebahagian penghuni terpaksa meletak kenderaan di jalan utama iaitu di luar kawasan kediaman menyebabkan lautan dua lorong menjadi sempit, satu lorong sahaja serta ada juga kenderaan lama dan rosak ditinggalkan begitu sahaja tanpa sebarang tindakan.

Peniaga di Pusat Penjaja Bandar Sri Permaisuri, Zolkhoari Abdul Aziz berkata ada segelintir penghuni PPR dan strata berdekatan pusat penjaja itu mengambil kesempatan apabila memarkir kenderaan mereka di parkir yang telah dikhususkan untuk pelanggan gerai pusat penjaja itu.

Beliau berkata, lantaran parkir percuma itu juga dan tiada penguatkuasaan diambil daripada pihak berwajib, maka pemilik kenderaan seolah-olah besar kepala menjadikan kawasan parkir pelanggan milik mereka sehingga ada yang meletakkan kenderaan berminggu-minggu lamanya tanpa ada pergerakan keluar masuk.

“Parkir pelanggan pusat penjaja ini sebanyak 64 lot, tapi boleh dikatakan keseluruhan ‘dibolot’ oleh segelintir penghuni yang memarkir kenderaan mereka di sini walaupun sudah ada papan tanda arahan daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur hanya dibenarkan untuk pelanggan gerai.

“Situasi ini menimbulkan ketidakselesaan kepada pelanggan yang mahu menikmati makanan di sini dan ada antara mereka

berlalu sahaja kerana lama mencari parkir dan perkara ini sedikit sebanyak telah menjelaskan kehadiran pelanggan dan jualan para peniaga,” katanya.

Sementara itu, penghuni PPR Kampung Baru Air Panas dikenali sebagai Ezana, 34, berkata dia dan adiknya yang tinggal bersama ibu bapa masing-masing memiliki kereta sendiri kerana berpandangan ia lebih menjimatkan dan mudah untuk ke mana-mana.

Mengakui ada ketikanya terpaksa memarkir jauh sedikit dari rumah, risiko kereta dikhianati dan mengambil masa lama untuk mencari parkir namun peniaga dalam talian itu berkata ia sudah menjadi kebiasaan dan dianggap per-

kara biasa dilaluinya sejak enam tahun lepas. “Memiliki kereta adalah keperluan yang memudahkan urusan saya kerana skop kerja sekarang memerlukan untuk bergerak ke sana-sini dan berjumpa pelanggan. Meskipun ada pengangkutan awam seperti bas dan kenderaan e-hailing, tapi ia terbatas, ditambah servisnya pula kadang-kadang tidak mengikut jadual,” katanya.

Mengulas isu itu, Pensyarah Kanan Pengajian Harta Tanah, Kolej Pengajian Alam Bina Universiti Teknologi Mara (UiTM) Profesor Madya Dr Mona Isa berkata, berdasarkan pemerhatiannya, penghuni kediaman PPR atau strata kini ada menjangkau lebih daripada dua generasi, sekali gus menyumbang kepada pertambahan pemilik kenderaan.

Beliau berkata, realitinya

penghuni kediaman itu mempunyai anak yang sudah dewasa dan masing-masing memerlukan kenderaan apatah lagi ada sudah berkahwin dan mempunyai kenderaan tapi memilih untuk tinggal bersama keluarga kerana masih tidak mampu membeli rumah sendiri.

“Seperti sedia maklum, setiap kediaman PPR atau strata lazimnya dipesan satu atau dua ruang letak kenderaan namun senario sekarang sudah berubah apabila sesebuah rumah akan ada lebih daripada dua kereta jika mempunyai beberapa generasi di dalamnya, lagi-lagi jika rumah itu disewakan.

“Jadi, saya melihat mereka mampu memiliki ken-

deraan bukan faktor kemewahan, tapi keperluan mendesak. Kalau tidak mampu membeli kereta baharu sekalipun mereka masih lagi boleh beli kereta terpakai yang dalam keadaan baik untuk kegunaan harian,” katanya.

Sehubungan itu, Mona mencadangkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) supaya menanam ruang parkir melalut binaan parkir bertingkat di ruang PPR atau strata yang masih ada selain


berusaha meningkatkan kecukupan pengoperasian pengangkutan awam seperti bas bagi mengurangkan ketergantungan kepada kenderaan persendirian.



SEBAHAGIAN penghuni terpaksa meletak kenderaan di jalan utama iaitu di luar kawasan kediaman menyebabkan lautan dua lorong menjadi sempit.

LAMBAKAN KENDERAAN DI PPR, STRATA KOS RENDAH

HIKAYAT DOUBLE PARKING!



LAMBAKAN kenderaan persendirian dan kekurangan tempat letak kenderaan di PPR, strata kos rendah dan sederhana di ibu negara terus mendatangkan resah dalam kalangan penduduk dan orang awam.



PSKL2040

Bangun semula 139 kawasan

Kuala Lumpur

Terdapat 139 kawasan dikenal pasti sebagai kawasan pembangunan semula di ibu kota hingga 2040, menurut dokumen Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040).

Pembangunan semula itu membabitkan kawasan *brownfield* dengan penggunaan yang kurang ekonomik, kawasan industri lama serta kawasan berpotensi daripada hasil pelaburan infrastruktur transit, pemuliharaan sungai dan sebagainya, bagi mewujudkan persekitaran yang lebih menarik di Kuala Lumpur.

Dokumen PSKL2040 menyatakan kawasan pembangunan semula di sekitar zon transit akan mempunyai intensiti yang lebih tinggi daripada kawasan yang lain serta perlu sesuai dengan persekitarannya.

Zon guna tanah pembangunan semula di sekitar kawasan transit berkenaan digalakkan untuk aktiviti pembangunan bercampur bagi meningkatkan persekitaran yang lebih bersepadu.

“Terdapat beberapa zon transit dikenal pasti sebagai kawasan pembangu-



Bangunan lama di kawasan itu pula perlu digalakkan untuk digunakan semula daripada terus dibiarkan usang”

Dokumen PSKL2040

nan semula iaitu Federal Cable, Jalan Berangan, Jalan Kenanga, Jalan Tiong Nam, Jalan Haji Taib, Jalan Alor, Jalan Raja Bot, Jalan Rahmat, Jalan Melayu-Jalan Masjid India, Jalan Raja Laut, Jalan Petaling, Jalan Inai, Jalan Maharajalela dan Jalan Talalla,” menurut dokumen itu.

Dokumen PSKL2040 menyatakan pembaharuan semula bagi kawasan *brownfield* bertujuan mewujudkan pembangunan yang mampan dan berdaya huni dengan antara kawasan *brownfield* dikenal pasti ialah perumahan awam dan swasta lama, pasar, penjaja kecil dan medan selera, perumahan lama serta industri dan komersial lama.

“Perancangan bagi kawasan pembaharuan semula bandar ini perlu me-

nyediakan pelan reka bentuk bandar yang terperinci bagi memandu reka bentuk bangunan dan persekitaran alam bina yang lebih bersepadu, inklusif dan rendah karbon,” menurut dokumen itu.

Dokumen PSKL2040 turut menyatakan pemuliharaan bandar dan bangunan lama yang tidak digunakan dengan sebaiknya perlu diberi suntikan baharu supaya dapat mengaktifkan semula kawasan serta fungsi bangunan berkenaan.

“Melalui pemuliharaan bandar, ia akan mengurangkan tekanan pembangunan serta kadar perubahan fizikal kepada kawasan yang mempunyai nilai sosial, persekitaran dan sejarah yang khas dan unik.

“Bangunan lama di kawasan itu pula perlu digalakkan untuk digunakan semula daripada terus dibiarkan usang, tidak dijaga dan tidak aktif bagi mencerminkan identiti bandar yang lebih berkualiti,” menurut dokumen itu.

Kawasan yang mempunyai bangunan berpotensi untuk diaktifkan semula ialah Medan Pasar, Jalan Tangsi, Stesen Keretapi Kuala Lumpur dan Pasar Sungai Besi.

HM 14/11/23 ms 7

Kuala Lumpur: Empat premis disita dan dua pusat diarahkan tutup kerana melanggar syarat lesen Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam operasi khas di sekitar ibu kota Sabtu lalu.

Operasi dijalankan Jabatan Penguatkuasaan melalui Tindakan Khas Premis Berisiko (Aktiviti Hiburan) itu bermula 9 malam Jumat lalu sehingga 2.30 pagi Sabtu di Jalan Ampang, Jalan Dang Wangi, Jalan Pudu Ulu, Jalan Tun Razak dan Setapak di sini.

DBKL dalam satu kenyataan berkata, hasil serbuan dan pemeriksaan pegawai penguat kuasa DBKL di 12 premis restoran/pub mendapati premis turut mengadakan persembahan *live* muzik, nyanyian karaoke dan DJ muzik tanpa kebenaran dan kelulusan pihak ber-

LANGGAR SYARAT LESEN DBKL

4 premis disita, dua pusat diarah tutup

kuasa. “Tindakan penutupan serta-merta terhadap dua premis mengikut Seksyen 17, Akta Hiburan 1992 termasuk membuka tiga kertassiasatan (IP) mengikut Seksyen 4(1)(a) dan 4(1)(b) kerana mengadakan aktiviti hiburan (*live* muzik/DJ) tanpa kebenaran dan mengeluarkan tiga notis kompaun mengikut Undang-Undang Kecil Peempatan Makanan (WPKL) 2016 (Melantik Pembantu Tanpa Kebenaran),” ka-

tanya. Menurutnotnya, dua notis kompaun dikeluarkan mengikut Undang-Undang Kecil Perlesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (WPKL) 2016 serta 1 notis kompaun Undang-Undang Kecil Iklan (WPKL) 1982 (Pamer Iklan Tanpa Lesen).

“Tindakan penguatkuasaan ini akan diteruskan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang lain sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,” katanya.

Operasi khas dijalankan di sekitar ibu kota Sabtu lalu